

04 JUL 1996  
Mahathir-Desa  
PERDANA MENTERI LANCAR GERAKAN DESA WAWASAN

TELUK INTAN, 4 Julai -- Bayangkan apabila setiap petani di negara ini mampu menguruskan ladang sekurang-kurangnya 400 hektar luasnya dan menggunakan pelbagai jentera moden termasuk pesawat kecil untuk menabur baja.

Itulah gambaran senario pertanian negara pada tahun 2020 yang diberikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika melancarkan Gerakan Desa Wawasan di Felcra Seberang Perak di sini hari ini.

"Itulah hasrat kita apabila kita bayangkan Wawasan 2020. Kita tidak mahu masyarakat desa tertinggal apabila Malaysia menjadi sebuah negara maju," katanya pada majlis yang turut dihadiri Menteri Besar Perak Tan Sri Ramli Ngah Talib, Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa serta anggota Exco kerajaan-kerajaan negeri yang memegang portfoilio pertanian dan pembangunan luar bandar.

Gerakan Desa Wawasan merupakan usaha yang digemblengkan dengan tumpuan khusus ke arah pembangunan sebuah kampung dengan matlamat menjadikannya maju, menarik dan menguntungkan sejajar dengan falsafah pembangunan luar bandar.

Perdana Menteri berkata pada tahun 2020, petani Malaysia sudah boleh berdikari sepenuhnya dengan tenaga mahir tempatan untuk menguruskan ladang secara besar-besaran.

Sebab itu kerajaan melancarkan Gerakan Desa Wawasan dengan tujuan membentuk masyarakat desa yang selari dengan pembangunan pesat negara.

"Inilah harapan kerajaan dan juga harapan rakyat. Untuk memenuhi era pengurusan ladang cara moden ini, kita perlu ubah sikap cara berfikir dan cara bekerja," katanya.

Dr Mahathir berkata masyarakat desa tidak mempunyai pilihan selain berubah selaras dengan angin perubahan pesat yang sedang melanda negara ini.

Katanya pertanian secara cukup makan sudah tidak sesuai lagi apabila Malaysia menjadi sebuah negara maju.

Perdana Menteri berkata rakyat Malaysia terutama masyarakat desa perlu yakin bahawa mereka boleh berubah menjadi petani moden yang berjaya.

Katanya petani moden bukan sahaja akan menambah pendapatan mereka malah dapat membantu mengatasi masalah tenaga buruh yang semakin meruncing.

"Kita tak mahu lagi bergantung kepada pekerja asing kerana pendapatan yang mereka perolehi tidak dibelanjakan di negara ini tetapi dihantar balik ke negara asal mereka. Akhirnya kita yang rugi," katanya.

Rakyat Malaysia sudah berkali-kali membuktikan bahawa mereka boleh membuat sesuatu perkara lebih baik daripada orang lain jika mereka mahu, kata beliau.

Katanya ini dapat dilihat daripada kejayaan Malaysia menjadi contoh kepada banyak negara asing dalam pelbagai bidang.

"Jika orang asing datang berduyun-duyun ke negara kita untuk belajar, ini bermakna kita sudah mempunyai kebolehan yang diperlukan. Dengan itu tidak sukar bagi kita untuk terus menimba ilmu bagi menjadikan kita mahir dalam bidang-bidang lain pula," katanya. -- BERNAMA

AH NMO